

# Pengetahuan Dan Sikap Terhadap Tadika Di Kalangan Ibu-Ibu Melayu, Rumah Pangsa Bandar Tun Razak.

Oleh:

Rozumah Baharudin dan Ariffin Jaafar  
Jabatan Pengajian Pembangunan Manusia  
Universiti Pertanian Malaysia  
Serdang, Selangor.

The objective of this study was to identify the level of knowledge and attitude towards preschool programmes (Tadika) amongst Malay mothers residing in Bandar Tun Razak Flats, Cheras. A total of 80 respondents were randomly selected for the study. Data were obtained by personal interviews using structured questionnaires. The independent variables used were age, level of education, number of children, occupational status, family income and experience in sending children to preschool. Knowledge and attitude towards preschool were used as dependent variables. Knowledge about preschool consisted of the meaning of the word Tadika, purposes and activities of the Tadika. Attitude towards preschool consisted of a child's independence and dependency on the parents after entering the preschool, the value of the preschool experience for the child, and the care and guidance of a child has at the preschool centre. The data obtained were analysed using the SPSS program. The Pearson's correlation procedure was utilised to find out the relationship between the dependent and the independent variables. The results show that most of the respondents were in the middle age group with a medium sized family. Most of them were housewives with a low level of education and low family income. The results also indicated that they had a substantial knowledge of the Tadika. The respondents' knowledge was significantly correlated with age and education. The level of knowledge decreased as age increased but, as the level of education increased. The results also show that the respondents had a favourable attitude towards preschool. However, their attitude was not significantly related to the independent variables. The respondent's level of knowledge about preschool was found not related to their attitude towards preschool. Some recommendations for involving parents in the preschool programmes are also made based on the responses given by the respondents.

## Pengenalan

Program pendidikan prasekolah adalah merupakan sebahagian daripada program-program pendidikan yang terdapat di negara ini sekarang. Program-program prasekolah ini lebih dikenali dengan nama Tadika atau "kindergarten". Masakini program-program ini sedang berkembang dengan pesatnya. Sehingga penghujung tahun 1973, sebanyak 830 buah prasekolah telah wujud di negara ini dengan 1,463 orang guru dan 47,392 orang kanak-kanak (Chua, 1974). Angka ini telah meningkat pada tahun 1981 di mana didapati bilangan tadika adalah sebanyak 3,850 buah, dengan 6,217 orang guru dan 195,746 kanak-kanak (Kementerian Pelajaran, 1981).

Pertambahan bilangan tadika dan bilangan kanak-kanak yang begitu pesat menunjukkan bahawa ia mendapat sambutan baik dari masyarakat terutama sekali dari ibu bapa. Pada hari ini didapati ibu bapa seolah-olah berlumba-lumba menghantar anak-anak mereka ke program-program tadika. Mengapakah mereka berlumba-lumba melakukannya? Adakah mereka memahami dan menyedari akan kepentingan tadika itu? Atau adakah mereka mahu mengikut arahaliran hari ini? Apakah sebenarnya sikap mereka terhadap program-program tersebut? Berdasarkan kepada soalan-soalan ini adalah difikirkan perlu untuk mengkaji taraf pengetahuan dan sikap ibu bapa hari ini terhadap tadika. Walau bagaimanapun kajian yang dijalankan ini adalah terhad kepada ibu-ibu Melayu yang tinggal di Rumah pangsa Bandar

Tun Razak, Cheras. Hasil kajian seperti ini diharap dapat memberi gambaran yang menyeluruh tentang taraf pengetahuan dan sikap ibubapa terhadap program-program tadika yang begitu banyak didirikan sekarang. Di samping itu maklumat-maklumat yang diperolehi dapat digunakan untuk membantu pihak-pihak yang terlibat dengan Tadika dalam merancang program-program yang melibatkan ibu bapa. Ia juga dapat digunakan sebagai panduan kepada pihak kerajaan dan swasta dalam membentuk program prasekolah yang bermutu di Malaysia.

Tujuan utama kajian yang telah dijalankan ini ialah untuk mengenalpasti taraf pengetahuan dan sikap terhadap tadika di kalangan ibu-ibu Melayu yang tinggal di rumah pangsa Bandar Tun Razak, Cheras. Objektif khusus kajian ialah untuk mengenalpasti taraf pengetahuan tentang Tadika; mengenalpasti sikap mereka terhadap Tadika; memeriksa perhubungan di antara pengetahuan dan sikap terhadap Tadika dengan umur, taraf pendidikan, bilangan anak, jumlah pendapatan keluarga, taraf pekerjaan dan pengalaman menghantar anak ke Tadika; dan untuk memeriksa perhubungan di antara taraf pengetahuan tentang Tadika dengan sikap terhadap Tadika.

### **Peranan Pengetahuan**

Pengetahuan ahli-ahli masyarakat tentang sesuatu program yang dijalankan di dalam komunitinya memainkan peranan penting untuk menjayakan program tersebut. Ini adalah penting kerana dengan mempunyai pengetahuan tersebut ibu bapa dapat membantu perkembangan anak-anak mereka dan menyediakan suasana yang sesuai untuk meransangkan perkembangan yang optima (Cahoon, 1978). Pendapat ini disokong oleh Gray dan Klaus (1953), yang telah menjalankan kajian ke atas ibu-ibu yang telah didedahkan kepada program-program pendidikan prasekolah. Beliau mendapati bahawa ibu-ibu tersebut mendidik dan berinteraksi dengan anak-anak mereka dengan lebih baik berbanding dengan ibu-ibu yang tidak pernah didedahkan kepada program-program prasekolah. Karnes (1969) telah mendapati bahawa ibu-ibu yang mempunyai taraf pengetahuan yang tinggi tentang pendidikan prasekolah lebih ramai melibatkan diri di dalam program-program tersebut. Mereka mahu bekerjasama dan membantu guru untuk mencapai kejayaan sepenuhnya.

Alang Perang et.al (1979) telah menjalankan satu kajian di kawasan Lembaga Kemanuan Tanah Persekutuan atau FELDA, yang bertujuan untuk menilai taraf pengetahuan peneroka-peneroka FELDA mengenai Tadika. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa taraf pengetahuan peneroka-peneroka adalah rendah. Didapati juga beberapa pembolehubah seperti umur, taraf pendidikan dan pengalaman menghantar anak ke Tadika mempunyai perkaitan yang signifikan dengan taraf pengetahuan. Mereka juga mendapati peneroka-peneroka yang menghantar anak ke Tadika adalah merupakan pengikut sahaja dengan tidak mempunyai kefahaman langsung mengenai kepentingan dan faedah-faedah program tersebut.

### **Peranan Sikap**

Sikap telah disebut oleh Nayan (1970) sebagai suatu faktor yang memainkan peranan penting bagi menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu program. Program pendidikan prasekolah tidak akan menghasilkan kejayaan yang diharapkan melainkan ibu bapa dan pihak-pihak yang terlibat menunjukkan sikap yang menggalakkan terhadapnya. Hurlock (1956) dan Dinkmeyer (1965) menyatakan bahawa sikap ibu bapa terhadap pendidikan prasekolah mempengaruhi sikap dan tingkah laku kanak-kanak. Ibu bapa yang mempunyai sikap yang menggalakkan terhadap pendidikan prasekolah boleh mendorongkan anak-anak mereka supaya lebih berjaya di dalam pelajaran mereka. Hal yang sama juga telah dinyatakan oleh Gordon (1972) kerana menurut beliau sikap ibu bapa terhadap prasekolah mempengaruhi sikap anak-anak mereka di prasekolah. Oleh itu Gordon menegaskan supaya ibu bapa membentuk sikap yang positif terhadap pendidikan anak-anaknya di prasekolah supaya mereka dapat berkembang dengan memuaskan.

## Methodologi

Kawasan perumahan rumah pangsa kos rendah di Bandar Tun Razak, Cheras telah dipilih untuk kajian ini. Berbagai kemudahan asas telah disediakan oleh kerajaan di kawasan perumahan ini. Antaranya termasuk surau, dewan orang ramai, khutubkhanah, taman rekreasi dan dua buah tadika. Seramai 80 responden dari 960 buah keluarga yang tinggal di kawasan ini telah dipilih secara rawak berlapis. Syarat sampel ialah ibu-ibu Melayu yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak yang berumur di antara 4 hingga 6 tahun.

Data telah dikumpulkan dengan cara temubual menggunakan soal-selidik pada bulan Disember 1984. Maklumat yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan Program "Statistical Package for Social Sciences" (SPSS). Ujian Pekali Korelasi Pearson telah digunakan untuk memeriksa perhubungan di antara pembolehubah.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Maklumat latarbelakang

Maklumat yang diperolehi menunjukkan bahawa umur responden adalah di antara 23 hingga 49 tahun dengan purata 31 tahun (Jadual 1). Hampir separuh (44%) daripada responden mendapat pendidikan setakat Sijil Rendah Pelajaran. Bilangan yang berpendidikan hingga ke Darjah 6 juga agak tinggi iaitu 23 orang (29%). Manakala 18 orang (22%) pula mendapat pendidikan sehingga Sijil Pelajaran Malaysia. Cuma 3 orang sahaja yang tidak pernah bersekolah (Jadual 2).

Bilangan anak responden pula adalah di antara 1 hingga 10 orang dengan purata seramai 3 orang. 94% daripada responden mempunyai anak di antara 1 hingga 5 orang diikuti dengan 6% mempunyai 6 hingga 10 orang.

Dari segi pekerjaan pula, didapati sebilangan besar (81%) responden adalah suri rumah. Lebihannya bekerja sebagai kerani, pekerja kilang dan guru. Beza antara jumlah pendapatan bulanan keluarga responden adalah di antara \$300 hingga \$1500 dengan purata sebanyak \$618.00. Hampir separuh (46%) mendapat pendapatan di antara \$300 hingga \$500 (Jadual 3). Secara amnya responden boleh dikelaskan sebagai kumpulan yang berpendapatan rendah.

Mengenai pengalaman responden samada ia pernah atau tidak memasukkan anak ke program-program prasekolah, didapati seramai 38% daripada mereka mempunyai pengalaman tersebut. Manakala 62% lagi tidak pernah memasukkan anaknya ke mana-mana program prasekolah.

Umur	Bil (n-80)	%
21 - 30	50	62
31 - 40	27	34
41 - 49	3	4
Purata: 31 tahun		

JADUAL 1: Taburan Umur Responden

Taraf pelajaran	Bil (n-80)	%
Tidak bersekolah	3	4
Darjah enam	23	29
SRP/LCE	35	44
SPM/MCE	18	22
STP/HSC	1	1

**JADUAL 2: Taburan Taraf Pelajaran Responden**

Jumlah Pendapatan	Bil (n-80)	%
\$300 - \$ 500	37	46
\$501 - \$ 700	27	34
\$701 - \$ 900	5	6
\$901 - \$1100	5	6
\$1101 ke atas	6	8
Purata: \$618.00		

**JADUAL 3: Taburan Jumlah Pendapatan Keluarga****Pengetahuan Tentang Tadika**

Pengetahuan responden tentang Tadika telah diukur berdasarkan kepada 20 soalan yang meliputi aspek-aspek makna, tujuan dan aktiviti-aktiviti Tadika. Setiap jawapan yang diberikan oleh responden diberi 3 markah untuk "setuju", 2 untuk "tidak pasti" dan 1 untuk "tidak setuju". Setelah dijumlahkan markah pengetahuan responden, didapati jumlah markah pengetahuan ialah di antara 49 hingga 60 markah dengan purata 56 markah. Markah tersebut di kategorikan kepada tiga kumpulan iaitu "rendah" di antara 46 hingga 50, "sederhana" di antara 51 hingga 55 dan "tinggi" di antara 56 hingga 60 (jadual 4). Sebilangan besar (71%) daripada responden mendapat markah yang tinggi. Ini bermakna responden di dalam kajian ini mempunyai taraf pengetahuan yang tinggi tentang tadika. Keputusan ini adalah berbeza dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Alang Perang et al (1979).

Markah yang diperolehi	Bil (n-80)	%
46 - 50 (rendah)	2	3
51 - 55 (sederhana)	21	26
56 - 60 (tinggi)	57	71
Purata: 55 markah		

**JADUAL 4: Taburan Markah Pengetahuan Responden**

Ujian statistik Pekali Korelasi Pearson telah digunakan untuk memeriksa perhubungan di antara taraf pengetahuan dengan beberapa pembolehubah penting yang terpilih di dalam kajian ini. Cuma dua perhubungan sahaja yang didapati signifikan. Ujian Pekali Korelasi

Pearson menunjukkan semakin tinggi taraf pendidikan semakin tinggi pula taraf pengetahuan ( $r = 0.4155$ ,  $p < 0.05$ ). Keputusan ini menunjukkan taraf pengetahuan meningkat apabila taraf pendidikan meningkat. Ini bermakna taraf pengetahuan responden amat berkait dengan taraf pendidikannya. Dari segi umur pula, Ujian Pekali Korelasi Pearson menunjukkan semakin tinggi umur semakin rendah pula taraf pengetahuan responden ( $r = -0.332$ ,  $p < 0.05$ ). Ini bererti responden yang lebih tua mempunyai taraf pengetahuan yang rendah berbanding dengan yang muda. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh taraf pendidikan yang lebih rendah di kalangan responden yang sudah lanjut usia.

Maklumat yang telah diperolehi menunjukkan hanya pembolehubah umur dan taraf pendidikan sahaja yang mempunyai perkaitan yang signifikan dengan taraf pengetahuan responden mengenai Tadika. Keputusan yang sama telah didapati dalam kajian Alang Perang et al (1979). Manakala pembolehubah-pembolehubah bilangan anak, jumlah pendapatan keluarga, taraf pekerjaan dan pengalaman menghantar anak ke Tadika didapati tidak menunjukkan perkaitan yang signifikan dengan taraf pengetahuan responden.

### Sikap Terhadap Tadika

Sebanyak 20 soalan telah dibentuk untuk mengukur sikap responden terhadap Tadika. Soalan-soalan yang dibentuk adalah merangkumi aspek-aspek pergantungan kanak-kanak terhadap ibu bapa dan kebolehan mereka berdikari setelah menyertai Tadika, faedah Tadika bagi kanak-kanak dan jagaan serta bimbingan di Tadika. Setiap soalan mempunyai 3 pilihan jawapan dan 3 markah diberikan untuk jawapan "setuju", 2 untuk "tidak pasti" dan 1 untuk "tidak setuju". Setelah dijumlahkan markah pengetahuan responden, didapati jumlah markah responden ialah di antara 46 hingga 60 markah dengan purata 56 markah. Markah-markah yang diperolehi untuk sikap telah juga dibahagikan kepada 3 kategori iaitu "rendah" di antara 45 hingga 50, "sederhana" di antara 51 hingga 55 dan "tinggi" di antara 56 hingga 60 (Jadual 5). Ramai daripada responden 64% mendapat markah yang tinggi.

Markah yang diperolehi	Bil (n-80)	%
46 - 50 (rendah)	8	10
51 - 55 (sederhana)	21	26
56 - 60 (tinggi)	51	64

JADUAL 5: Taburan Markah Sikap Responden

Ujian Statistik Pekali Korelasi Pearson telah juga dijalankan untuk memeriksa perhubungan di antara sikap dengan beberapa pembolehubah penting yang telah dipilih. Maklumat yang diperolehi menunjukkan tidak terdapat sebarang perhubungan yang signifikan. Sikap responden di dalam kajian ini didapati tidak berkait dengan umur, taraf pendidikan, bilangan anak, taraf pekerjaan, jumlah pendapatan keluarga dan pengalaman menghantar anak ke Tadika.

### Perhubungan Taraf Pengetahuan dengan Sikap Terhadap Tadika

Ujian Statistik Pekali Korelasi Pearson telah juga dijalankan untuk memeriksa perhubungan di antara sikap dengan beberapa pembolehubah penting yang telah dipilih. Maklumat yang diperolehi menunjukkan tidak terdapat sebarang perhubungan yang signifikan. Sikap responden di dalam kajian ini didapati tidak berkait dengan umur, taraf pendidikan, bilangan anak, taraf pekerjaan, jumlah pendapatan keluarga dan pengalaman menghantar anak ke Tadika.

## Perhubungan Taraf Pengetahuan dengan Sikap Terhadap Tadika

Ujian Statistik Pekali Korelasi Pearson telah juga digunakan untuk menentukan perhubungan di antara taraf pengetahuan responden tentang Tadika dengan sikap responden terhadap Tadika. Ujian tersebut menunjukkan tidak terdapat sebarang perhubungan yang signifikan di antara kedua pembolehubah. Ini bermakna bahawa taraf pengetahuan responden terhadap Tadika tidak mempunyai perkaitan dengan sikapnya terhadap Tadika.

### Kesimpulan dan cadangan

Maklumat yang didapati menunjukkan kebanyakan responden berada di peringkat umur yang masih muda dan mempunyai saiz keluarga yang sederhana. Sebilangan besar daripada responden adalah surirumah dan berpendidikan setakat Sijil Rendah Pelajaran. Hampir separuh daripda responden tergolong di dalam golongan yang berpendapatan rendah. Berkenaan dengan pengalaman menghantar anak ke Tadika, didapati lebih ramai responden yang tidak mempunyai pengalaman tersebut. Sebahagian besar daripada responden mempunyai taraf pengetahuan yang tinggi tentang Tadika dan sikap yang menggalakkan terhadap program tersebut. Taraf pengetahuan responden ini didapati mempunyai perkaitan yang signifikan dengan umur dan taraf pendidikan. Manakala sikap mereka pula tidak menunjukkan perkaitan yang signifikan dengan mana-mana pembolehubah yang dikaji. Taraf pengetahuan responden juga didapati tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan sikap mereka terhadap Tadika.

Hasil kajian ini menunjukkan sebahagian besar daripada responden mempunyai kefahaman yang tinggi tentang Tadika dan menyedari tentang faedah serta kepentingan program tersebut, walaupun lebih ramai daripada mereka tidak mempunyai pengalaman memasukkan anak-anak mereka ke Tadika sebelum ini. Ini bermakna responden memang mempunyai pengetahuan tentang Tadika dan menerima dengan sikap yang positif kewujudan program-program tersebut. Oleh itu mereka menghantar anak-anak mereka ke Tadika bukan untuk mengikut arahaliran zaman semata-mata. Mereka melakukannya kerana benar-benar memahami dan menyedari akan kepentingan program-program Tadika yang wujud hari ini. Tingkah laku mereka ini adalah selaras dengan sikap positif yang mereka tunjukkan terhadap program tersebut.

Oleh itu adalah dicadangkan supaya pihak kerajaan dan badan-badan yang terlibat dengan program-program prasekolah mengambil langkah untuk menubuhkan persatuan-persatuan ibu-ibu bapa di prasekolah-prasekolah bagi menggalakkan penglibatan mereka di dalam program-program tersebut. Penglibatan ibu-ibu bapa adalah penting samada sebagai sukarelawan, pembantu guru atau sebagai penasihat di dalam membuat keputusan-keputusan tentang pendidikan anak-anak di prasekolah. Komponen penglibatan ibu-bapa ini seharusnya menjadi satu syarat bagi penubuhan sesebuah prasekolah. Ia sekurang-kurangnya dapat menjalinkan hubungan yang baik di antara rumah dengan prasekolah serta akan dapat memenuhi pengharapan kedua-dua pihak yang terlibat.

### Rujukan

- Alang Perang Zainudin, Tormodi Hj. Zainudin dan Rita Hashim. (1979) "Current Knowledge of Tadika and Family Planning Amongst FELDA Settler", *Land Development Digest*, 12 (1), 1926.
- Cahoon, W.O., "Preschool Education; Choice of Chance?" *Family Perspective*, 12 (1), 19 - 26, 1978.
- Chua, Tee Tee, Education of the Disadvantage in Malaysia — An Overview, paper presented at the Seminar on contemporary Issues in Malaysia Education, Organised by the Malaysia for Education, 1974.

Dinkmeyer, *Child Development: the Emerging Self*. New Jersey: Prentice Hall Inc, 1965.

Gordon, J.I. *An Instructional Theory: Early Childhood Education*. Childhood Education. Chicago: University of Chicago Press, 1972.

Gray S. and Klaus, R. *Early Training For Culturally Deoprived Children*. Tennese: City School, 1963.

Hurlock, E.B. *Child Development*. New York: Mc Graw Hill Book Co, 1956.

Karnes, M. *A New Roles of Teachers: Involving the Entire Family in the Education of Preschool Disadvantaged Children*. Urban: University of Illinois, 1969.

Kementerian Pelajaran Malaysia. "Laporan Situasi Mengenai Pendidikan Prasekolah", Kertaskerja dibentangkan di Bengkel Kebangsaan Pertama Pendidikan Prasekolah, Pulau Pinang, 1981

Nayan Ariffin. A study of Associated With Farmers' Attitude Towards the Agriculture Extension Service in Mukim of Simpor District of Kuala Kedah, West Malaysia. Master's Thesis, Louisiana State University, Louisiana, United States of America, 1970.